

Kes rasuah projek tenaga hibrid solar

Najib tidak akan beri keterangan

Pihak pembelaan susun semula strategi, kes disambung 4 Februari

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak pembelaan Datin Seri Rosmah Mansor pada perbicaraan kes rasuah projek tenaga hibrid solar bernilai RM1.25 bilion memutuskan pada saat akhir tidak memanggil suaminya yang juga bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk memberi keterangan sebagai saksi pembelaan.

Terdahulu, semalam, Najib dijangka memberi keterangan sebagai saksi ketiga pembelaan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan.

Bagaimanapun, Datuk Jagjit Singh yang mewakili Rosmah memberitahu mahkamah pihaknya mengambil keputusan untuk tidak memanggil Najib, memandangkan keterangannya adalah bersifat menyokong.

“Pihak pembelaan menyusun semula strategi dan mengambil keputusan untuk tidak memanggil Najib,” katanya.

Pada prosiding itu, Jagjit turut memohon mahkamah untuk melampangkan tarikh perbicaraan pada minggu ini memandangkan saksi kedua pembelaan, iaitu bekas pegawai khas Najib, Datuk Seri Siti Azizah Sheikh Abod sedang menunaikan umrah.

“Kami memohon kes disam-

bung pada 4 Februari ini untuk prosiding soal balas terhadap Siti Azizah,” katanya.

Perkara itu kemudian tidak dibantah Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, yang memberitahu mahkamah keputusan memanggil saksi pembelaan adalah hak pembelaan.

Najib tidak hadir pada prosiding perbicaraan kes itu, bagaimanapun, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dilihat duduk di galeri awam.

Rosmah didakwa melakukan kesalahan itu di Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra, di kediaman Rosmah di Jalan Langgak Duta, Taman Duta serta di Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya antara Januari 2016 dan September 2017.

Perbicaraan kes bersambung 4 Februari ini.